

PEMILIK KENDERAAN DAN PENGANGGUR / TIADA PEKERJAAN DALAM PENGIRAAN HAD AL-KIFAYAH: SUATU PENILAIAN

Oleh: Mansor Bin Sulaiman

(Universiti Malaysia Pahang)

Abstrak

Kajian ini akan meninjau beberapa perkara yang ditunjukkan oleh nas-nas syarak sebagai perkara yang perlu diambil kira dalam pengiraan Had al-Kifayah. Perkara-perkara tersebut adalah perkara yang agak kontroversi pada pandangan sesetengah ahli masyarakat iaitu pemilik kenderaan dan penganggur / golongan yang tidak bekerja. Pemilihan kedua-dua perkara ini sebagai fokus perbincangan adalah disebabkan terdapat nas-nas syarak yang menunjukkan bahawa mereka ini kadangkala merupakan golongan yang termasuk dalam kategori mereka yang masih tidak memenuhi *Had al-kifayah* dan dikategorikan sebagai miskin. Dalam masa yang sama terdapat banyak petunjuk daripada nas yang menunjukkan sebaliknya. Justeru itu, tulisan ini diutarakan bagi melihat mengapa dua golongan ini diambil kira oleh nas-nas yang menjadi dalil kepada pengiraan *had al-kifayah* seterusnya menjelaskan konsep *had al-Kifayah* itu sendiri yang menjadi asas kepada pembelaan antara golongan senang dan susah dalam sesebuah masyarakat.

Kata kunci: Had al-Kifayah, zakat, miskin, ekonomi Islam

PENDAHULUAN

Had al-Kifayah merupakan salah satu daripada konsep yang diutarakan syariat Islam dalam bidang ekonomi. Ia merupakan suatu garis yang bukan sekadar digunakan untuk menjadi panduan dalam penentuan golongan yang perlu membayar zakat dan penerima zakat sahaja, bahkan ia menjangkaui sehingga peringkat melihat kekuatan atau kelembahan ekonomi sesebuah kelompok masyarakat.